

Kajian Rintis Pembangunan Modul Pembelajaran Berasaskan Masalah Bagi Mata Pelajaran Ekonomi Tingkatan Empat

(A Pilot Study on the Development of a Problem-Based Learning Module for Form Four Economics Subjects)

Devaki Kanaga Retnam^{1*}, Azila Abdul Razak²

¹Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: devaki1027@gmail.com

²Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: azila@fpe.upsi.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Devaki Kanaga Retnam
(devaki1027@gmail.com)

KATA KUNCI:

Pembelajaran berasaskan masalah
Ekonomi
Modul
Model ADDIE
Pentaksiran bilik darjah

KEYWORDS:

Problem-based learning
Economics
Module
ADDIE Model
Classroom assessment

CITATION:

Devaki Kanaga Retnam, & Azila Abdul Razak. (2024). Kajian Rintis Pembangunan Modul Pembelajaran Berasaskan Masalah Bagi Mata Pelajaran Ekonomi Tingkatan Empat. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(7), e002911. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i7.2911>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan modul pembelajaran berasaskan masalah (PBM-ECO), menentukan kesahan dan kebolehpercayaan modul dalam merangsang kemahiran menyelesaikan masalah pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Ekonomi. Modul ini telah dibina berteraskan model ADDIE merangkumi analisis, reka bentuk, pembangunan, implimentasi dan penilaian. Reka bentuk kajian ini berbentuk deskriptif dengan mengaplikasikan pendekatan kuantitatif. Instrumen borang soal selidik digunakan bagi menguji kesahan kandungan modul dan kebolehpercayaan. Seramai lapan orang pakar penilai yang terdiri daripada pensyarah universiti awam dan guru pakar terlibat dalam kesahan modul. Kebolehpercayaan modul diukur melalui pelaksanaan kajian rintis dalam kalangan 30 orang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Mutahir, Melaka. Skor Alpha Cronbach yang diperolehi untuk kesahan modul ialah 0.97 menunjukkan bahawa penilaian pakar terhadap kesahan modul ini adalah tinggi. Manakala untuk kebolehpercayaan ialah 0.86 membuktikan respon positif diterima daripada pelajar berkaitan kebolehpercayaan modul adalah tinggi. Dapatan ini membuktikan bahawa modul PBM-ECO ini boleh dipraktikkan bagi meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam mata pelajaran Ekonomi.

ABSTRACT

This study aims to develop a problem-based learning module (PBM-ECO), determine the validity and reliability of the module in stimulating problem-solving skills among form four students in Economics. The module was developed based on the ADDIE model, which includes

analysis, design, development, implementation, and evaluation. The design of this study is descriptive, utilizing a quantitative approach. A questionnaire instrument was used to test the content validity and reliability of the module. A total of eight expert evaluators, consisting of public university lecturers and expert teachers, were involved in assessing the module's validity. The module's reliability was measured through a pilot study conducted among 30 form four students from Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Mutahir, Melaka. The obtained Cronbach's Alpha score for the module's validity was 0.97, indicating that expert evaluations of the module's validity were high. Meanwhile, the reliability score was 0.86, demonstrating a positive response from the students regarding the module's high reliability. These findings indicate that the PBM-ECO module can be effectively utilized to enhance problem-solving skills in Economics.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur dalam bidang pembangunan modul pembelajaran berasaskan masalah mata pelajaran Ekonomi bagi membantu pelajar tingkatan empat untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah soalan berbentuk senario sebenar yang berlaku dalam ekonomi Malaysia.

1. Pengenalan

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025, [Kementerian Pendidikan Malaysia \(KPM\) \(2013\)](#) bertekad untuk memastikan peluang pendidikan yang terjamin bagi setiap kanak-kanak di Malaysia sejak lahir hingga mereka menceburi alam kerjaya. Maka, satu sistem pendidikan yang fleksibel telah dibina bagi menyiapkan pelajar dengan landasan pendidikan yang selaras dengan bakat, minat dan gaya pembelajaran pelajar tersebut. Di peringkat antarabangsa, penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira sahaja tidak memadai bagi seorang pelajar untuk menembusi dunia pekerjaan setelah tamat persekolahan. Malah fokus KPM adalah untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan bukan hanya mementingkan meningkatkan ilmu pengetahuan semata-mata dalam kalangan pelajar ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013](#)).

Namun, Malaysia masih belum mampu mencapai tahap pencapaian yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) walaupun berlaku peningkatan peratus elemen KBAT dalam sukatan pelajaran dan soalan-soalan peperiksaan ([Siti Rubaini & Ani Salwiah, 2021](#)). Pernyataan ini disokong oleh [Logeswari dan Mohd Afifi \(2022\)](#), iaitu pelajar di Malaysia sukar memahami dan mengaplikasikan soalan KBAT dalam pentaksiran antarabangsa iaitu *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA). Oleh yang demikian, [Lembaga Peperiksaan Malaysia \(2022\)](#) telah memperkenalkan soalan KBAT dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) pada tahun 2014 bagi menguji keupayaan calon untuk mengaplikasi, menganalisis, menilai dan kreatif dan inovatif dalam mencipta idea bagi menyelesaikan masalah secara sistematik dalam realiti kehidupan.

Selain mata pelajaran teras, mata pelajaran elektif SPM turut memainkan peranan dalam menentukan hala tuju kerjaya pelajar selepas tamat pelajaran. Namun begitu, ramai

pelajar tidak memilih subjek elektif Ekonomi dalam peperiksaan SPM kerana pelajar berpendapat bahawa subjek Ekonomi amat sukar untuk difahami atau dipelajari (Uma Devi & Muhammad, 2019). Pernyataan ini turut disokong oleh Goebel dan Maistry (2019), iaitu persepsi pelajar dan masyarakat yang menganggap subjek Ekonomi sebagai subjek yang susah untuk dipelajari.

Menurut Mengistie (2020), pada masa sekarang apabila guru melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang KBAT atau PBD, maka guru tersebut dapat membimbing pelajar-pelajar ke arah cemerlangan. Namun, Siti Sarah dan Lilia (2021) menyatakan bahawa penguasaan pelajar terhadap kemahiran penyelesaian masalah item-item KBAT adalah sederhana. Inisiatif guru memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi akan mempengaruhi pencapaian mata pelajaran tersebut secara positif (Malini Deepa & Norasibah, 2023). Antara cabaran yang dihadapi oleh guru-guru mata pelajaran Ekonomi dalam P&P berkaitan penyelesaian masalah Ekonomi adalah ketidakcukupan masa, pengetahuan guru tentang strategi metakognitif, persediaan alat bantu mengajar dan kesediaan pelajar (Nur Izzatul Syahirah, Zaimuariffudin & Norehan, 2021). Oleh itu, penerapan strategi pembelajaran aktif dapat meningkatkan hasil pembelajaran pelajar dalam subjek Ekonomi (Adhe Novtriandani et al., 2022; Dila Ruffaika & Mhd. Zulkifli).

Kajian ini mengaplikasikan kaedah pembelajaran aktif iaitu pembelajaran berasaskan masalah (PBM) sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah soalan KBAT. Hasil kajian Mazren (2024) mencadangkan bagi meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar tingkatan empat dalam subjek Ekonomi, guru patut mempraktikkan teknik pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam pembelajaran dan pengajaran subjek ini. Pernyataan ini turut disokong oleh Rio Ricardo dan Putri Kemala Dewi (2023), iaitu pengaruh model PBM dengan Media Interaktif adalah lebih tinggi terhadap hasil pembelajaran dalam kelas mata pelajaran ekonomi. Menurut Jennifer dan Khairul Azhar (2022), PBM merupakan pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar kerana pembelajaran ini membentuk pemikiran, emosi dan kemahiran pelajar di samping memberi dorongan kepada mereka untuk mempelajari ilmu baharu.

1.1. Latar Belakang Kajian

Sebelum tahun 2016, mata pelajaran Ekonomi dikenali sebagai mata pelajaran Ekonomi Asas iaitu semasa pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Walau bagaimanapun, selaras dengan Gelombang 2 PPPM (2016-2020) bagi membantu peningkatan sistem, KPM menyarankan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) membuat semakan semula bagi meningkatkan standard kandungan dan pembelajaran setanding dengan standard antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dinaik taraf dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Nama mata pelajaran Ekonomi Asas telah disingkatkan kepada Ekonomi mulai tahun 2017 dan pada tahun 2018 generasi pelajar KSSM MPEI Ekonomi pertama telah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Rangka konsep kurikulum Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Ekonomi merangkumi tiga kemahiran Ekonomi yang perlu dipupuk dalam minda pelajar dengan kerjasama guru yang perlu memainkan peranan sebagai fasilitator. Kajian oleh Abdul Said dan

[Christina \(2020\)](#), berdasarkan persepsi pelajar mendapati bahawa guru yang mempunyai pengetahuan tentang pedagogi, kandungan subjek, kreatif dan inovatif terbukti paling dominan dalam mempengaruhi efikasi sendiri guru tersebut.

Menurut [Ramlee, Marinah, Seow dan Muhammad Ridhuan Bos \(2020\)](#), tindakan guru-guru Ekonomi tidak relevan jika hanya bergantung kepada kaedah pembelajaran tradisional dengan alasan kekurangan bahan pengajaran dan kekangan masa iaitu mengejar masa untuk melengkapkan sukatan pelajaran untuk saiz kumpulan pelajar yang besar dalam sesebuah kelas. Sejak tahun 2002, KPM menyarankan guru-guru mata pelajaran Ekonomi Asas melaksanakan pengajaran berkesan dan pembelajaran aktif dalam kelas selaras dengan kehendak kurikulum yang memberi penekanan utama dalam proses P&P yang berpusatkan pelajar ([Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005](#)).

Menurut [Sunaryanto, Dudung, Primasa dan Hanjar \(2020\)](#), kaedah pembelajaran aktif yang terdiri daripada kajian kes, pembelajaran berasaskan masalah (PBM), pembelajaran berasaskan projek, penemuan, dan inkuiri juga mempunyai kesan positif iaitu menyebabkan pelajar menjadi lebih aktif semasa mengikuti proses P&P di dalam kelas. Oleh itu, guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk memupuk kemahiran insaniah iaitu kemahiran menyelesaikan masalah selaras dengan kehendak PPPM.

Fokus kajian ini adalah kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBM) kerana kaedah PBM amat lazim dipraktis dalam bidang sains seperti perubatan tetapi kini sangat berleluasa dalam bidang sains sosial misalnya bidang ekonomi, ekonometrik, kewangan, perniagaan, perakaunan, pengurusan dan lain-lain ([Azila et al., 2022](#)). Menurut [Norlizah dan Fadzilah \(2016\)](#), fokus utama pendekatan PBM adalah proses penyelesaian sesuatu masalah berbanding hasil dapatan daripada perbincangan. Terdapat pelbagai model PBM yang boleh diaplikasikan oleh guru sebagai pemudah cara dalam proses menjalankan teknik PBM dalam bilik darjah ([Wee, 2004](#)). Pengkaji pula akan mengaplikasikan model PBM yang diguna pakai oleh Politeknik Temasek, Singapura dalam kajian ini kerana melibatkan pembelajaran berkaitan dunia sebenar akan menawarkan simulasi yang selaras keperluan kurikulum dan pengetahuan kritikal serta kemahiran yang relevan melalui pembelajaran PBM akan menyediakan pembelajaran yang efektif ([Wee, 2004](#)).

1.2. Pernyataan Masalah

Sejak mata pelajaran MPEI Ekonomi diperkenalkan pada tahun 2017 dalam kalangan pelajar tingkatan empat, keputusan SPM bagi mata pelajaran Ekonomi negeri Melaka pada tahun 2018 sehingga tahun 2022 di [Jadual 1](#) menunjukkan keputusan yang kurang memberangsangkan. Tahun 2018 merupakan tahun pertama mata pelajaran MPEI Ekonomi diperkenalkan di peringkat SPM dan keputusan subjek ekonomi Negeri Melaka adalah sederhana. Seterusnya, pada tahun 2019, peratus kelulusan meningkat dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) meningkat, tetapi pada tahun 2020 peratus kelulusan jatuh dan GPMP turut jatuh ([Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, 2020](#)). Manakala, pada tahun 2021, peratus kelulusan meningkat dan GPMP menurun tetapi yang terkini pada tahun 2022 peratus kelulusan jatuh dan GPMP meningkat secara perlahan ([Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, 2022](#)). Kesimpulannya, keputusan SPM mata pelajaran Ekonomi negeri Melaka tidak stabil kerana tiada peningkatan dari segi angka tetapi turun dan naik secara perlahan.


Jadual 1: Laporan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Ekonomi Negeri Melaka (Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018-2022)

Tahun	Jumlah Lulus (%)	GPMP Ekonomi
2018	84.69	6.39
2019	88.00	5.81
2020	85.12	6.02
2021	87.07	6.05
2022	86.90	5.99

Sumber: [Jabatan Pendidikan Negeri Melaka \(2019, 2020, 2022\)](#)

Perkara ini berlaku adakah disebabkan oleh persepsi pelajar terhadap mata pelajaran dan kelemahan teknik pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) oleh guru atau peningkatan peratus soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kertas soalan Ekonomi di peringkat SPM menyebabkan keputusan SPM 2021 bagi mata pelajaran Ekonomi jatuh berbanding dengan tahun sebelumnya? Peratus soalan KBAT dalam kertas peperiksaan SPM bermula dengan 20% pada tahun 2014 dan meningkat secara berperingkat sehingga tahun 2022 seperti yang dipaparkan dalam [Rajah 1](#).

Rajah 1: Peratus soalan KBAT dalam kertas peperiksaan



Sumber: [Lembaga Peperiksaan Malaysia \(2022\)](#)

Menurut [Hazram dan Nurulain \(2020\)](#), guru perlu mempelajari teknik pembinaan item soalan berasaskan KBAT dalam aspek pentaksiran semasa sesi PdPc. Kaedah pengskoran kertas 2 Ekonomi menggunakan rubrik analitik amat menggalakkan proses KBAT ([Dedi, Ruswan, Agus dan Pandu, 2021](#)). Rubrik analitik memerlukan guru dan pelajar mempunyai idea yang banyak dan persediaan yang rapi kerana penilaian akan dijalankan terhadap proses prestasi pelajar secara berasingan dan kemudian digabungkan dalam keputusan akhir bagi setiap komponen ([Ihwan, 2018](#)). Tambahan pula, penskoran analitikal mampu memberikan maklum balas khusus supaya pelajar dapat meningkatkan kemahiran berfikir.

Pembelajaran aktif seperti PBM merupakan kaedah P&P yang baharu untuk segelintir guru kerana guru masih bergantung kepada pembelajaran konvensional dalam pengajaran mata pelajaran Ekonomi ([Robiatul Adawiyah, 2021](#); [Fajar, Yuyun & Rizka, 2021](#); [Suryani & Vina, 2022](#)). Menurut [Dewi Koryati et al. \(2020\)](#), pembelajaran aktif

dapat meningkatkan hasil pembelajaran ekonomi dan motivasi pelajar, namun bagi melaksanakan pembelajaran aktif dengan berkesan, pendidik mesti merancang aktiviti dalam pembelajaran aktif dengan betul seperti kaedah perancangan dan media atau bahan bantu belajar serta memotivasikan pelajar dengan memberi penerangan tentang aktiviti yang akan dijalankan dalam pembelajaran.

Guru bertanggungjawab untuk merekabentuk dan mengenal pasti masalah yang rumit untuk menggalakkan sifat inkuiri pelajar kerana pelajar boleh melakukan penyelidikan untuk mencari penyelesaian dan membuat kesimpulan yang munasabah (Endang, 2019; Iyam & Vera, 2021). Guru harus mereka bentuk masalah yang sesuai dengan hasil pembelajaran dan relevan dengan persekitaran pelajar. Guru merupakan mentor, fasilitator dan jurulatih yang patut memberi motivasi kepada pelajar untuk bekerja dalam pasukan secara kolaboratif (Adrianus & Klaudensi, 2020). Oleh itu, alat bantu mengajar seperti pembangunan modul PBM perlu dijalankan bagi mengenalpasti keberkesanan PBM dalam membangunkan kemahiran pelajar dan sebagai penyelidikan masa depan untuk pembelajaran sendiri (Janet Jequilin, Christina & Jeromie, 2021).

Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah untuk membangunkan satu modul PBM-ECO bagi meningkatkan prestasi pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menentukan kesahan kandungan modul PBM-ECO berdasarkan penilaian pakar dan mengenal pasti kebolehpercayaan dan pelaksanaan modul PBM-ECO dalam kalangan pelajar tingkatan empat.

2. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan berasaskan kajian deskriptif menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan modul PBM-ECO. Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan kesahan modul daripada pakar-pakar menggunakan borang kesahan. Manakala, borang soal selidik digunakan terhadap sekumpulan pelajar tingkatan empat untuk mendapatkan kebolehpercayaan modul.

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan kaedah persampelan bertujuan iaitu teknik memilih sampel berdasarkan pertimbangan yang spesifik berdasarkan ciri-ciri yang ditentukan (Sugiyono, 2012). Kesahan modul dilakukan oleh lapan orang pakar penilai yang telah dipilih berdasarkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pendidikan Ekonomi. Manakala, seramai 30 orang pelajar tingkatan empat dari SMK Tun Mutahir negeri Melaka terlibat dalam kajian rintis pelaksanaan modul untuk tujuan kebolehpercayaan modul tersebut.

Dalam kajian ini juga, dua jenis instrumen digunakan iaitu borang kesahan modul dan borang soal selidik kebolehpercayaan. Borang kesahan modul dalam kajian ini mengandungi 30 item dengan menggunakan skala likert 10. Menurut Zainudin, Asyraf dan Mustafa (2016), skala panjang (contohnya 10 likert) adalah lebih baik daripada skala pendek (contohnya 5 likert) dalam menentukan sejauh mana setuju atau tidak setuju responden bagi soalan tertentu. Soal selidik ini dikategorikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A : Penilaian Kandungan Modul (pelajar) dan Bahagian B: Penilaian Kandungan Panduan Fasilitator (guru). Hanya 5 item di bahagian A dan 25 item di Bahagian B. Hal ini kerana Bahagian B dibahagikan kepada tiga iaitu penilaian terhadap bahasa dan maklumat, senario masalah dan aktiviti pembelajaran PBM (elemen kemahiran penyelesaian masalah).


Bagi menguji kebolehpercayaan, pelajar perlu mengisi borang soal selidik dan memberi pandangan jujur terhadap pembelajaran ekonomi dari segi pengetahuan, kefahaman dan aplikasi teknik PBM dalam bilik darjah. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan dengan demografik pelajar dan bahagian B berkaitan dengan penilaian sendiri pelajar terhadap pembelajaran berasaskan masalah dalam mata pelajaran Ekonomi.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian [Suzilawati \(2016\)](#) dan pengesahan instrumen kajian yang sama pernah dibuat oleh [Najwa \(2020\)](#) dengan hasil dapatan yang baik dan mengukuhkan penggunaan instrumen ini ke atas kajian. Seterusnya, pengkaji juga telah mengaplikasi kaedah ketekalan dalaman untuk menentukan pekali kebolehpercayaan dengan mendapatkan skor Alpha Cronbach bagi setiap konstruk dan keseluruhan instrumen penilaian tersebut

2.1. Pembangunan Modul PBM-ECO berasaskan model ADDIE

Pembangunan Modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan masalah (PBM-ECO) adalah berdasarkan kepada model ADDIE yang dipelopori oleh [Rossett \(1987\)](#) dan dikembangkan oleh [Dick and Carey \(1996\)](#). Berdasarkan [Rajah 2](#), ADDIE merupakan satu akronim iaitu *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (pembangunan), *Implementation* (implementasi) dan *Evaluation* (penilaian).

Rajah 2: Model Instruksional ADDIE diubah suai daripada kajian ([McGriff, 2000](#))



Sumber: [Ahmad Tamizi, Rabiatul Adawiah dan Salmiza \(2020\)](#), [Mazida, Abdul Rahim & Kama \(2023\)](#)

2.1.1. Fasa Analisis (Analyze)

Peringkat ini merupakan analisis terhadap keperluan pembinaan modul P&P berasaskan masalah bagi mata pelajaran Ekonomi iaitu modul PBM-ECO. Untuk fasa ini, kaedah kajian kuantitatif telah diaplikasikan dengan mengedarkan satu set soal selidik kepada kumpulan pelajar Tingkatan 4 yang tidak terlibat dengan kajian rintis atau kajian sebenar. Sasaran analisis keperluan modul PBM-ECO bukan guru tetapi pelajar kerana

pengkaji mengintegrasikan model pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam modul pembelajaran dengan harapan modul ini dapat menjadikan pelajar lebih aktif, berdikari dan menggalakkan pelajar menyelesaikan masalah sebenar yang sering dihadapi dalam kehidupan seharian (Helmina, Syarifa Wahidah & Rahmawati, 2022).

Pengkaji telah menganalisis tahap pentaksiran bilik darjah semasa pelajar dan justifikasi mengapa pelajar memerlukan modul pembelajaran bagi mata pelajaran Ekonomi bagi mengenal pasti punca masalah pelajar dan menentukan penyelesaian yang sesuai dengan situasi sebenar. Penyelidik menjalankan analisis tahap penguasaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mata pelajaran Ekonomi di peringkat sekolah menengah terhadap 30 orang pelajar tingkatan empat. Rasional penyelidik menjalankan analisis ini adalah untuk mendapatkan perspektif pelajar terhadap penguasaan PBD, soalan esei rubrik dan keperluan modul pengajaran dan pembelajaran Ekonomi.

Soal selidik tersebut merangkumi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A merupakan bahagian demografik pelajar manakala bahagian B ialah perspektif pelajar terhadap penguasaan PBD. Seterusnya, bahagian C ialah perspektif pelajar terhadap soalan esei rubrik dan yang terakhir bahagian D adalah perspektif pelajar terhadap keperluan modul pengajaran dan pembelajaran Ekonomi. Tinjauan telah dijalankan ke atas murid secara bersemuka. Hasil analisis seperti yang digambarkan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2: Analisis Tahap Penguasaan PBD Mata Pelajaran Ekonomi

Topik	Kekerapan (f), Peratus (%)					Min	Keputusan
	1	2	3	4	5		
1. Adakah anda tahu maksud istilah, konsep dan prinsip asas ekonomi?	10 (33.3%)	12 (40%)	8 (26.7%)	0	0	1.9	Rendah
2. Adakah anda dapat memahami istilah, konsep dan prinsip asas ekonomi dan menunjukkan kefahaman mengenai kaitan di antara konsep - konsep tersebut dalam konteks ekonomi?	3 (10%)	12 (40%)	13 (43.3%)	2 (6.7%)	0	2.5	Sederhana rendah
3. Adakah anda dapat mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran ekonomi dalam pelbagai konteks ekonomi secara deskriptif?	1 (3.3%)	7 (23.3%)	18 (60%)	4 (13.3%)	0	2.8	Sederhana rendah
4. Adakah anda dapat menganalisis maklumat ekonomi untuk diaplikasikan dalam suatu situasi atau konteks?	1 (3.3%)	10 (33.3%)	14 (46.7%)	5 (16.7%)	0	2.8	Sederhana rendah
5. Adakah anda dapat	1	8	13	6	2	3.0	Sederhana

menganalisis dan mensintesis maklumat ekonomi dalam suatu situasi atau dalam konteks penyelesaian masalah?	(3.3%)	(26.7%)	(43.3%)	(20%)	(6.7%)		rendah
6. Adakah anda dapat menganalisis, mensintesis dan menilai maklumat ekonomi serta membuat keputusan secara rasional dan memberi cadangan atau menghasilkan sesuatu yang baharu?	2 (6.7%)	7 (23.3%)	14 (46.7%)	5 (16.7%)	2 (6.7%)	2.9	Sederhana rendah
7. Adakah anda mampu memahami kehendak soalan esei tanpa bantuan guru atau rakan?	6 (20%)	12 (40%)	9 (30%)	3 (10%)	0	2.3	Sederhana rendah
8. Adakah anda pernah menjawab soalan esei rubrik?	3 (10%)	10 (33.3%)	15 (50%)	2 (6.7%)	0	2.5	Sederhana rendah
9. Adakah anda mahir menjawab soalan esei rubrik?	1 (3.3%)	8 (26.7%)	15 (50%)	5 (16.7%)	1 (3.3%)	2.9	Sederhana rendah
10. Adakah anda memerlukan modul yang membantu meningkatkan teknik menjawab soalan esei rubrik dan meningkatkan tahap penguasaan PBD?	0	0	1 (3.3%)	5 (16.7%)	24 (80%)	4.8	Tinggi

Sumber: [Nunnally dan Bernstein \(1994\)](#)

Hasil dapatan analisis deskriptif bahagian B menunjukkan kebanyakan pelajar berada dalam kategori sederhana rendah ($M=2.01 - 3.00$) dari segi perspektif pelajar terhadap penguasaan PBD dalam mata pelajaran Ekonomi. Majoriti pelajar meletakkan pemahaman mereka terhadap kandungan mata pelajaran Ekonomi di tahap sederhana tetapi hanya segelintir pelajar yang menyatakan bahawa pencapaian tahap PBD sukar. Manakala, perspektif pelajar terhadap penguasaan soalan esei rubrik turut berada dalam kategori sederhana rendah ($M=2.01 - 3.00$) berdasarkan [Jadual 3](#).

Jadual 3: Jadual Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interprestasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: [Nunnally dan Bernstein \(1994\)](#)

Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar berada dalam kumpulan sederhana dalam penguasaan soalan esei rubrik, maka pelajar memerlukan medium atau alat bantu meningkatkan prestasi pelajar. Hasil dapatan analisis bahagian D iaitu perspektif pelajar terhadap modul pengajaran dan pembelajaran Ekonomi pula menunjukkan 96.7 peratus daripada 30 orang pelajar bersetuju bahawa pelajar memerlukan modul yang membantu meningkatkan teknik menjawab soalan esei rubrik dan meningkatkan tahap penguasaan PBD dengan skor min tinggi ($M=4.8$).

Kesimpulannya, berdasarkan analisis yang telah dibuat pada fasa ini, maka sebuah modul PBM-ECO bagi topik Pengenalan Kepada Ekonomi direka bentuk. Metodologi yang digunakan pada fasa ini ialah analisis keperluan topik melalui soal selidik tahap penguasaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mata pelajaran Ekonomi.

2.1.2. Fasa Reka Bentuk (Design)

Fasa kedua dikenali sebagai reka bentuk yang merupakan kesinambungan daripada fasa keperluan analisis di mana fasa ini merupakan bahagian kritikal yang memastikan bahan pembelajaran direka bentuk dengan baik dan dapat memudahkan pemahaman pelajar (Andriadi, Baiq Azmi & Syifaul, 2024). Oleh yang demikian, dalam fasa ini penyelidik menumpukan kepada perincian aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan seperti memilih pendekatan atau strategi pembelajaran dan pengajaran, menentukan format dan isi kandungan modul dan menentukan kaedah pentaksiran untuk menilai pencapaian pelajar.

Konsep pembelajaran berasaskan masalah (PBM) diterapkan dalam pembangunan modul ini sebagai satu pendekatan pembelajaran. Terdapat tujuh langkah dilaksanakan seperti yang dicadangkan dalam model PBM ini oleh Wee (2004) iaitu menentukan kumpulan pembelajaran, mengenal pasti masalah, menjana idea, menghasilkan isu pembelajaran, pembelajaran secara sendiri, mensintesis dan mengaplikasikan pengetahuan dan refleksi dan maklum balas. Carta FILA merupakan satu sistem perekodan yang diguna pakai dalam Model PBM Hmelo-Silver dan Ferrari (1997) dan dikenali sebagai alat organisasi maklumat. Carta FILA perlu diisi dalam bentuk jadual yang mengandungi ruangan fakta (*Fact*), idea (*Idea*), isu pembelajaran (*Issue*) dan pelan tindakan (*Action*). Penggunaan carta FILA ini membolehkan pelajar menjalankan proses penyelesaian masalah secara lebih terancang, bersesuaian dengan pelajar sekolah yang lebih memerlukan panduan berbanding pelajar universiti (Mohd Mokhzani & Khairul Azhar, 2021).

Modul PBM-ECO terbahagi kepada dua iaitu modul pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar dan modul panduan fasilitator khas untuk guru-guru mata pelajaran Ekonomi. Format modul PBM-ECO terbahagi kepada beberapa bahagian yang utama iaitu tajuk, aktiviti, carta FILA dan soalan rubrik. Berdasarkan Jadual 4, setiap peringkat disusun bertujuan memastikan proses pemindahan dan penyampaian kemahiran dalam PdP dapat dilaksanakan secara tersusun dan berperingkat.

Jadual 4: Kandungan aktiviti Modul PBM-ECO

Bil	Kandungan Modul Pelajar	Kandungan Modul Fasilitator
1	Latar belakang modul	Latar belakang modul
2	Bagaimana menggunakan modul PBM-ECO	Bagaimana menggunakan modul PBM-ECO
3	Apakah carta FILA?	Apakah carta FILA?

4	Perkaitan model penyelesaian masalah enam langkah Dewey dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	Perkaitan model penyelesaian masalah enam langkah Dewey dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)
5	Ringkasan proses PBM	Ringkasan proses PBM
6	Tajuk dan Objektif	Tajuk dan Objektif
7	Rancangan pengajaran harian (5 unit)	Panduan pentaksiran bagi soalan rubrik ekonomi yang memperuntukan lapan atau sembilan markah
8	Soalan berbentuk senario PBM	Peranan guru dalam proses pembelajaran berasaskan masalah
9	Templet carta FILA	Panduan penilaian aktiviti PBM-ECO
10	Templet jawapan esei rubrik	Rancangan pengajaran harian (5 unit)
11	Penilaian individu/kumpulan	Soalan berbentuk senario PBM
12		Panduan pengisian carta FILA
13		Cadangan contoh jawapan esei rubrik berserta teknik pentaksiran.

2.1.3. Fasa Pembangunan (Development)

Dalam fasa pembangunan modul, proses membina dan menyatukan kandungan modul dilaksanakan (Haliza, Mariani & Mohd Nazri, 2022). Hasil maklumat yang telah diperoleh dari fasa analisis dan reka bentuk digunakan untuk membangunkan modul PBM-ECO ini. Persampelan dalam fasa pembangunan adalah terdiri daripada lapan orang pakar yang mempunyai kepakaran masing-masing iaitu seorang pakar teknik pembelajaran berasaskan masalah, seorang pakar modul, dua pakar pedagogi/kurikulum mata pelajaran Ekonomi dan empat guru berpengalaman mengajar mata pelajaran Ekonomi telah dipilih untuk mendapatkan informasi berkaitan isi kandungan modul tersebut. Barisan pakar telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Dua daripadanya ialah pensyarah di universiti awam dan dua orang guru tingkatan enam yang terlibat dalam kejurulatihan pedagogi mata pelajaran Ekonomi tingkatan 4 serta selebihnya ialah guru sekolah yang mempunyai mengajar mata pelajaran MPEI Ekonomi yang telah diperkenalkan sejak tahun 2017.

Dua orang pensyarah tersebut mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam pembangunan modul, bahasa dan juga pedagogi yang merupakan aspek terpenting dalam pembinaan sesebuah modul. Dua orang guru tingkatan enam yang terlibat dalam kejurulatihan pedagogi kerana mereka mempunyai kepakaran berkaitan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar berdasarkan DSKP mata pelajaran Ekonomi. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dalam fasa ini. Responden yang telah dipilih sebagai pakar penilai memberikan pandangan mereka dari segi permasalahan dan penyelesaian masalah dalam proses mengaplikasi teknik PBM dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Hasil dapatan dari instrumen ini digunakan untuk tujuan penambahbaikan dalam pembangunan modul tersebut.

Berpandukan hasil dapatan soal selidik, lapan responden pakar bersetuju dengan pembangunan modul PBM-ECO kerana menunjukkan kesahan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian ini. Justeru itu kesahan modul PBM-ECO berdasarkan tiga aspek yang dinyatakan didapati mempunyai tahap persetujuan yang baik dan mencapai sasarannya berdasarkan kesahan kandungan. Namun apa yang ditekankan, guru yang akan membimbing pelajar harus mahir dan bersedia dengan kandungan silibus Ekonomi dan teknik PBM agar modul ini boleh difahami dan diterima dengan baik oleh pihak pelajar. Apabila guru subjek menghadapi kesukaran dalam mengendalikan modul dalam

bilik darjah, maka pelajar akan hilang minat untuk menguasai kemahiran menjawab item rubrik yang ditekankan dalam modul ini.

2.1.4. Fasa Pelaksanaan (Implementation)

Fasa keempat adalah pelaksanaan iaitu draf modul yang dibangunkan diuji dan diimplementasikan dalam kajian yang sebenar. Terdapat dua peringkat dalam fasa ini iaitu peringkat kajian rintis dan peringkat kajian sebenar. Faktor-faktor yang mendorong kedua-dua peringkat ini adalah: (1) menyemak kesesuaian modul bagi pelajar tingkatan empat, (2) keperluan aspek penambahbaikan dan menilai kesempurnaan modul PBM-ECO, (3) mendapatkan maklumat tentang kualiti modul secara umum, (4) menyemak bahasa dan ejaan, (5) kesesuaian teks dan grafik dan (6) kesalahan teknikal yang lain.

Seterusnya, kajian rintis dilaksanakan selepas modul dinilai dan disahkan oleh pakar. Kajian rintis dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat umum mengenai modul PBM-ECO yang dibangunkan dan mengenal pasti kesesuaian kandungan, aktiviti dan penggunaan bahasa. Dalam konteks kajian, kajian rintis telah dijalankan bagi menilai kebolehpercayaan dan kebolegunaan modul PBM-ECO.

Responden yang terlibat dalam kajian rintis merupakan pelajar-pelajar Ekonomi dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Mutahir, Melaka. Seramai 30 orang pelajar yang dipilih sebagai responden bagi kajian rintis tidak terlibat dengan kajian sebenar dan lokasi kajian mereka berbeza. Intervensi dijalankan selama tiga minggu dan dilaksanakan selama 1 jam bagi setiap sesi. Hanya sebahagian bahagian modul yang dilaksanakan dalam kajian rintis iaitu sebanyak tiga kitaran latihan telah diuji.

Pelajar ekonomi dari SMK Tun Mutahir, daerah Melaka Tengah telah dipilih kerana pengkaji ingin mendapatkan situasi sebenar pelajar bertujuan mendapatkan pandangan, kesesuaian dan penerimaan mereka terhadap intervensi yang dilaksanakan. Hasil pemerhatian, pandangan, komen dan kritikan, yang di perolehi dari guru mata pelajaran yang melaksanakan kajian rintis ini terhadap draf modul PBM-ECO di ambil kira untuk membaiki kelemahan-kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam modul.


2.1.5. Fasa Penilaian (Evaluation)

Fasa penilaian merupakan fasa terakhir dalam model ADDIE di mana pada fasa ini, modul yang telah siap dinilai dari segi kesahan modul oleh lapan orang pakar dan diuji kebolehpercayaan dalam kajian rintis dari segi kebolegunaan modul oleh 30 orang pelajar ekonomi tingkatan empat seperti yang ditunjukkan dalam [Rajah 3](#). Langkah pertama setelah modul ini dibina, pengkaji menyerahkan modul PBM-ECO ini kepada panel pakar yang telah dikenal pasti untuk disemak dan dinilai. Panel pakar dipilih untuk menilai modul PBM-ECO. Modul diberikan kepada lapan pakar penilai iaitu yang terdiri daripada seorang pakar modul, dua pakar pedagogi/kurikulum mata pelajaran Ekonomi dan empat guru berpengalaman mengajar mata pelajaran Ekonomi untuk menilai ketepatan kandungan modul.

Dalam kajian rintis, penilaian kebolehpercayaan modul dikaji untuk menganalisis persepsi pelajar terhadap kebolegunaan modul P&P berasaskan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah bagi topik pengenalan kepada ekonomi. Soal selidik diedar kepada 30 orang pelajar yang mengandungi 10 item yang terdiri daripada penilaian senario masalah dan aktiviti pembelajaran PBM secara berkumpulan serta

aktiviti kemahiran penyelesaian masalah. Maka, semasa kajian rintis dijalankan pelajar telah mengisi soal selidik dengan sempurna dan telah dianalisis dengan merujuk kepada skor Alpha Cronbach bagi mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan modul tersebut.

Rajah 3: Prosedur penilaian modul PBM-ECO. Diadaptasi dari



Sumber: Sidek dan Jamaludin (2005)

3. Hasil Dapatan

3.1. Kesahan Modul PBM-ECO

Proses mendapatkan kesahan kandungan modul dan senario masalah telah dilaksanakan oleh lapan orang pakar bidang pendidikan ekonomi dan PBM. Manakala untuk semakan bahagian aktiviti pembelajaran dan proses penyelesaian masalah juga akan dinilai oleh lapan orang pakar yang sama. Profil umum pakar bidang ditunjukkan dalam [Jadual 5](#).

Jadual 5: Profil Umum Pakar Bidang

Pakar	Bidang
1	Pensyarah (Pakar PBM)
2	Pensyarah (Pakar Modul)
3	Guru berpengalaman Ekonomi (JU Ekonomi Kebangsaan)
4	Guru berpengalaman Ekonomi (Pemeriksa STPM)
5	Guru berpengalaman Ekonomi Tingkatan Empat
6	Guru berpengalaman Ekonomi Tingkatan Empat
7	Guru berpengalaman Ekonomi Tingkatan Empat
8	Guru berpengalaman Ekonomi Tingkatan Empat

Modul PBM-ECO yang telah dibina kemudiannya dihantar kepada barisan pakar untuk semakan isi kandungan pelajaran dan proses penyelesaian masalah yang dikemukakan

di dalam modul PBM-ECO. Dalam kajian ini juga, penyelidik menggunakan pekali *Alpha Cronbach* untuk mendapatkan kesahan terhadap modul dan disokong oleh [Sidek dan Jamaludin \(2005\)](#) dan [Chua \(2021\)](#) kerana kaedah yang boleh menentukan kebolehppercayaan alat ukuran ialah dengan menggunakan kaedah *Kuder-Richardson*. Pengkaji memilih menggunakan *Alpha Cronbach* berdasarkan pandangan [Sekaran \(1992\)](#) iaitu nilai *Alpha Cronbach* yang kurang dari 0.60 tidak boleh diterima dan nilai di antara 0.60 hingga 0.80 boleh diterima serta nilai yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik serta boleh digunakan seperti yang ditunjukkan di [Jadual 6](#).

Jadual 6: Pencapaian Kesahan Penilaian Pakar bagi Modul PBM-ECO

Modul PBM-ECO	Bilangan item	Pekali kolerasi Alpha Cronbach	Kekuatan hubungan Pekali Alpha Cronbach
Bahagian A: Penilaian Kandungan Modul	10	0.865	Tinggi
Bahagian B: Penilaian Senario Masalah	8	0.920	Sangat Tinggi
Bahagian C: Aktiviti Pembelajaran PBM (elemen kemahiran penyelesaian masalah)	12	0.927	Sangat Tinggi
Keseluruhan	30	0.965	Sangat Tinggi

Berdasarkan nilai pekali korelasi dalam [Jadual 6](#) dapatlah dirumuskan bahawa modul PBM-ECO menunjukkan kesahan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam P&P mata pelajaran Ekonomi. Justeru itu, kesahan modul PBM-ECO berdasarkan tiga aspek yang dinyatakan didapati mempunyai tahap persetujuan yang baik dan mencapai sasarannya berdasarkan kesahan kandungan. Manakala, analisis dapatan pakar bagi setiap item bagi ketiga-tiga aspek ditunjukkan dalam [Jadual 7](#).

Jadual 7: Nilai Kesahan Kandungan Keseluruhan Modul

Bahagian	Pernyataan	Pekali Alpha Cronbach	Pandangan Pakar (Kekuatan Hubungan)
Bahagian A: Penilaian Kandungan Modul	Laras bahasa yang digunakan jelas dan mudah difahami (Modul Pelajar)	.962	Sangat Tinggi
	Visual dan grafik yang jelas	.963	Sangat Tinggi
	Sesuai untuk pelajar tingkatan 4	.967	Sangat Tinggi
	Aras isi kandungan log pembelajaran	.965	Sangat Tinggi
	Log pembelajaran mengandungi aktiviti pelajar PBM-ECO yang jelas	.963	Sangat Tinggi
	Laras bahasa yang digunakan jelas dan mudah difahami (Panduan Fasilitator)	.965	Sangat Tinggi
	Mengandungi panduan pengendalian aktiviti PBM-ECO yang jelas	.964	Sangat Tinggi
	Mengandungi panduan peranan fasilitator PBM-ECO yang mencukupi	.967	Sangat Tinggi

	Mengandungi panduan penilaian aktiviti PBM-ECO yang mencukupi	.967	Sangat Tinggi
	Mengandungi maklumat mencukupi mengenai pembelajaran berdasarkan senario masalah yang diberikan	.965	Sangat Tinggi
Bahagian B: Penilaian	Senario masalah sesuai dengan objektif pembelajaran	.964	Sangat Tinggi
Senario Masalah	Senario masalah sesuai mengikut tahap kebolehan pelajar tingkatan 4	.964	Sangat Tinggi
	Senario masalah menggambarkan situasi sebenar	.967	Sangat Tinggi
	Senario masalah menarik dan memotivasikan pelajar	.962	Sangat Tinggi
	Senario masalah memerlukan pelajar menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi	.963	Sangat Tinggi
	Maklumat yang diberikan dalam senario masalah mencukupi untuk menyokong pembelajaran	.964	Sangat Tinggi
	Senario masalah dikemukakan menggunakan bahasa yang ringkas dan jelas	.963	Sangat Tinggi
	Senario masalah disusun mengikut urutan yang logik	.963	Sangat Tinggi
Bahagian C: Aktiviti Pembelajaran PBM (elemen kemahiran penyelesaian masalah)	Urutan aktiviti dan masa yang diperuntukkan bersesuaian dengan kebolehan pelajar	.964	Sangat Tinggi
	Menggalakkan perbincangan secara aktif	.962	Sangat Tinggi
	Menjalankan sesi perkongsian pembelajaran	.964	Sangat Tinggi
	Aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar	.963	Sangat Tinggi
	Membimbing pelajar menyelesaikan masalah	.963	Sangat Tinggi
	Berfikir secara kritis penyelesaian yang mungkin atau hasil kajian masalah	.962	Sangat Tinggi
	Merumus hasil pembelajaran berdasarkan senario masalah	.965	Sangat Tinggi
	Memberi motivasi kepada pelajar untuk terus belajar tajuk pengenalan kepada ekonomi	.965	Sangat Tinggi
	Meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kumpulan	.963	Sangat Tinggi
	Membina ciri kepemimpinan	.966	Sangat Tinggi
	Merangkumi aspek nilai, psikologi, kognitif dan psikomotor	.965	Sangat Tinggi
	Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan ekonomi terhadap isirumah, firma dan kerajaan.	.967	Sangat Tinggi

Jadual 7 menunjukkan analisis nilai pekali *Alpha Cronbach* oleh pakar bagi setiap item dalam soal selidik kesahan kandungan modul. Berdasarkan **Jadual 7**, setiap item menunjukkan peratus persetujuan yang tinggi (melebihi 0.80). Ini menunjukkan

keseluruhan panel pakar bersetuju bahawa Modul PBM-ECO bagi mata pelajaran Ekonomi memenuhi ketiga-tiga aspek kesahan kandungan modul. Selain itu, pakar turut memberikan maklum balas dan cadangan penambahbaikan terhadap modul PBM-ECO seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 8](#). Setiap maklum balas dan cadangan penambahbaikan oleh pakar telah diambil kira sebelum menguji kebolehpercayaan modul. Modul ini akan dibangunkan dengan penambahbaikan adalah seperti yang disarankan oleh barisan pakar.

Jadual 8: Maklum Balas dan Cadangan Penambahbaikan Terhadap Modul oleh Pakar

Pakar	Maklum Balas	Cadangan Penambahbaikan
P1	Modul sangat sesuai dan mampu mencapai/menjawab soalan/isu kajian	Kesilapan yang amat minimum dari segi bahasa dan ejaan
P2	Pembangunan Modul PBM-ECO yang dihasilkan sesuai dengan kandungan pembelajaran Ekonomi.	Dalam aspek psikomotor perlu diperincikan aspek psikomotor apa yang dilihat atau diimplimentasi
P3	Kandungan modul ini menepati sasaran pupulasinya, bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan, boleh meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dan diharapkan boleh mengubah sikap pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi ke arah lebih cemerlang.	Perlaksanaan modul ini akan dicabar oleh penerimaan dan tahap kemampuan guru dalam memahami pelaksanaan PBM mata pelajaran Ekonomi. Peruntukan masa diperlukan dan bimbingan berterusan diperlukan oleh guru yang menggunakan modul ini.
P4	Keseluruhan item berkualiti tinggi dan senario masalah mengaitkan dengan dunia realiti.	Pembetulan dari segi bahasa dan ejaan
P5	Modul ini dapat merangsang pelajar untuk berfikir dengan analitikal dalam menyelesaikan masalah. Modul ini membantu pelajar tingkatan 4 untuk menjawab soalan esei SPM.	-
P6	Modul ini menggunakan laras bahasa yang mudah difahami oleh pelajar dan berupaya merangsang kemahiran berfikir pelajar dalam penyelesaian masalah atau senario yang diberikan.	Pastikan kata tugas yang digunakan untuk setiap item sesuai dalam peringkat SPM.
P7	Modul ini memberi panduan teknik menjawab soalan KBAT (9 markah) dengan membantu pelajar menguasai cara menjawab soalan KBAT, dengan menyediakan jadual FILA. Modul ini juga menarik minat pelajar kerana soalan berkaitan situasi sebenar, pelajar dapat memberikan idea semasa sesi perbincangan	Pendahuluan dalam menulis jawapan tidak perlu (tidak diberi markah)
P8	Modul ini menyediakan soalan esei rubrik selaras dengan tahap SPM dan dapat membantu pelajar tingkatan 4 berfikir secara kritis dalam menyelesaikan setiap senario.	Pembetulan dari segi bahasa dan ejaan

3.2. Kebolehpercayaan Penggunaan Modul PBM-ECO

Dalam kajian rintis, penilaian kebolehpercayaan modul dikaji untuk menganalisis persepsi pelajar terhadap kebolegunaan modul P&P berasaskan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah bagi topik pengenalan kepada ekonomi. Seramai 30 orang pelajar diberi soal selidik yang mengandungi 10 item yang terdiri berkaitan dengan penilaian senario masalah dan aktiviti pembelajaran PBM secara berkumpulan serta aktiviti Kemahiran penyelesaian masalah. Kebolehpercayaan modul ini ditentukan menggunakan ukuran ketekalan dalaman Cronbach Alpha. Semasa kajian rintis dijalankan, pelajar telah mengisi soal selidik dengan sempurna dan nilai pekali kebolehpercayaan modul tersebut ditunjukkan seperti dalam [Jadual 9](#). Berdasarkan nilai Alpha Cronbach, kebolehpercayaan modul PBM-ECO ini berada pada tahap yang baik.

Jadual 9: Kebolehpercayaan modul PBM-ECO

Fasa	Bilangan pelajar	Alpha Cronbach
Rintis (Kitaran 1 hingga 3)	30	0.859

4. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian ini, modul PBM-ECO yang direka bentuk ini mampu membantu pelajar-pelajar tingkatan empat meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar dalam menjawab soalan KBAT khususnya soalan esei. Proses pelaksanaan secara berperingkat-peringkat kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBM), akan membantu pelajar bekerjasama dalam kumpulan untuk menjana idea baharu bagi menghasilkan jawapan esei yang berkualiti. Dengan cadangan penambahbaikan daripada barisan pakar dan dapatan kajian daripada pembangunan modul ini, ia boleh dijadikan alat bantu mengajar untuk guru dalam membimbing pelajar menyelesaikan masalah bagi setiap senario dan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan atau PBD mata pelajaran Ekonomi.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia UPSI (PPPI). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Sekalung penghargaan disampaikan kepada penyelia saya, Dr. Azila Abdul Razak kerana membantu dan membimbing saya menulis artikel ini. Seterusnya, terima kasih juga kepada pentadbir dan responden dari SMK Tun Mutahir yang sudi bekerjasama menjayakan kajian ni.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang bantuan sama ada dalam bentuk kewangan ataupun geran.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Said Ambotang & Christina Andin. (2020). Sumbangan pengetahuan kandungan, daya kreativiti dan inovatif terhadap efikasi sendiri guru dalam pengajaran ekonomi di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26, 155-155. <https://doi.org/10.51200/ejk.v26i.2501>
- Adhe Novtriandani Damanik, Layasina Simbolon, Renawita Octavia Situmorang, Hanna Ria Tampubolon & Mian Siahaan. (2022). Penerapan strategi pembelajaran aktif, inovatif, kreatif, efektif, dan menyenangkan (PAIKEM) untuk meningkatkan hasil belajar siswa kelas VIII SMP Gajah Mada Medan pada mata pelajaran ips Ekonomi tahun ajaran 2022/2023. *Jurnal Pendidikan dan Konseling (JPDK)*, 4(5), 5047-5053. <https://doi.org/10.31004/jpdk.v4i5.7433>
- Adrianus Nasar & Klaudensia Kurniati. (2020). Comparing students' learning outcomes using problem based learning model and inquiry based learning model. *Jurnal Pendidikan Fisika*, 8(1), 43-55. <https://doi.org/10.26618/jpf.v8i1.2127>
- Ahmad Tamizi Abu, Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid & Salmiza Saleh. (2020). Pembinaan modul pengajaran al-quran (al-Alaq) dengan menggunakan model instruksional ADDIE. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 152-167. <http://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/146/665>
- Andriadi Pani, Baiq Azmi Sukroyanti & Syifaul Gummah. (2024). Pengembangan modul fisika berbasis masalah untuk meningkatkan hasil belajar siswa. *Empiricism Journal*, 5(1), 28-34. <https://doi.org/10.36312/ej.v5i1.1314>
- Azila Abdul Razak, Mohamad Rohieszan Ramdan, Nurhanie Mahjom, Mohd Nazir Md. Zabit, Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin & Nor Liza Abdullah. (2022). Improving critical thinking skills in teaching through problem-based learning for students: A scoping review. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 21(2), 342-362. <https://doi.org/10.26803/ijlter.21.2.19>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Ekonomi Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-sekolah-menengah/category/17-dskp-tingkatan-4>
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan buku 1 (Edisi Ke-4)*. McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Dedi Koswara, Ruswan Dallyono, Agus Suherman & Pandu Hyangsewu. (2021). The analytical scoring assessment usage to examine Sundanese students' performance in writing descriptive texts. *Jurnal Cakrawala Pendidikan*, 40(3), 573-583. <https://doi.org/10.21831/cp.v40i3.40948>
- Dewi Koryati, Dian Eka Amrina, Siti Fatimah & Dewi Pratita. (2020). Menerapkan pembelajaran aktif untuk meningkatkan hasil belajar dan motivasi belajar

- ekonomi peserta didik. *Jurnal PROFIT: Kajian Pendidikan Ekonomi dan Ilmu Ekonomi*, 7(1), 69-83. <https://doi.org/10.36706/jp.v7i1.11282>
- Dick, W., & Carey, L. (1996). *The systematic design of instruction (4th ed.)*. New York: Harper Collins College Publishers
- Dila Ruflaika & Mhd. Zulkifli Hasibuan (2023). Perbedaan hasil belajar siswa menggunakan metode pembelajaran aktif tipe the study group dengan metode pembelajaran Quantum teaching pada mata pelajaran Ekonomi. *Jurnal Pendidikan IPS*, 4(1), 7-12. <https://doi.org/10.32696/jpips.v4i1.2136>
- Endang Nuryasana. (2019). Keefektifan model pembelajaran think pair share (TPS) dan model pembelajaran inkuiri terhadap hasil belajar IPA siswa kelas V Sekolah Dasar. *Trapsila: Jurnal Pendidikan Dasar*, 1(01), 72-80. <http://dx.doi.org/10.30742/tpd.v1i01.725>
- Fajar Rizqianna, Yuyun Susanti & Rizka Andhika. (2021). Penerapan model pembelajaran active knowledge sharing pada mata pelajaran ekonomi di sma. *J-KIP (Jurnal Keguruan dan Ilmu Pendidikan)*, 2(2), 63-70. <http://dx.doi.org/10.25157/j-kip.v2i2.5321>
- Goebel, J., & Maistry, S. (2019). Recounting the role of emotions in learning economics: Using the Threshold Concepts Framework to explore affective dimensions of students' learning. *International Review of Economics Education*, 30, 100145. <https://doi.org/10.1016/j.iree.2018.08.001>
- Haliza Idris, Mariani Md Nor & Mohd Nazri Abdul Rahman. (2022). Sustainability of quality education: Development of a pattern learning module for early Mathematics based on flipped classroom with augmented reality. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(1), 80-90. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.8.2022>
- Hazram Ismail & Nurulain Nabilah Hamzu. (2020). Pengintegrasian KBAT dalam pengajaran matematik semasa praktikum dalam kalangan bakal guru sekolah rendah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 19(1), 80-89. <https://doi.org/10.37934/arsbs.19.1.8089>
- Helmina Sari, Syarifa Wahidah Al Idrus & Rahmawati. (2022). Pengembangan modul pembelajaran kimia berbasis model problem based learning (PBL) pada Materi Koloid. *Chemistry Education Practice*, 5(1), 99-106. <http://dx.doi.org/10.29303/cep.v5i1.2697>
- Hmelo-Silver, C. E. & Ferrari, M. (1997). The problem-based learning tutorial: Cultivating higher order thinking skills. *Journal for the Education of the Gifted*, 20(4), 401-422. <https://doi.org/10.1177/016235329702000405>
- Ihwan Mahmudi (2018). Mahmudi, I. (2018). Rubrik analitik penilaian hasil belajar praktik pendidikan agama Islam. *Fikrah: Journal of Islamic Education*, 2(2), 32-154. <https://doi.org/10.32507/fikrah.v2i2.406>
- Iyam Maryati & Vera Monica. (2021). Pembelajaran berbasis masalah dan inkuiri dalam kemampuan representasi matematis. *Mosharafa: Jurnal Pendidikan Matematika*, 10(2), 333-344. <https://doi.org/10.31980/mosharafa.v10i2.666>
- Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. (2019). *Laporan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Ekonomi Negeri Melaka Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018 hingga 2019*. Melaka: Sektor Pentaksiran dan Peperiksana JPN Melaka.
- Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. (2020). *Laporan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Ekonomi Negeri Melaka Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2019 hingga 2020*. Melaka: Sektor Pentaksiran dan Peperiksana JPN Melaka.
- Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. (2022). *Laporan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Ekonomi Negeri Melaka Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2021 hingga 2022*. Melaka: Sektor Pentaksiran dan Peperiksana JPN Melaka.

- Janet Jequiline Jolly Tinjol, Christina Andin & Jeromie Jolly. (2021). Persepsi guru pengajaran perniagaan tingkatan enam terhadap pembelajaran berasaskan masalah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 201-210. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/15144>
- Jennifer Anak Andrew Tiga Paet & Khairul Azhar Jamaludin. (2022). Potensi pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran menyelesaikan masalah dan cabaran pelaksanaannya. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 204-215. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/19552>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Pelan-Pembangunan-Pendidikan-2013_2025.pdf
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2022). *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan SPM Tahun 2022*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Pelajaran Malaysia. <http://lp.moe.gov.my/index.php/laporan-analisis-keputusan/1232-laporan-analisis-keputusan-spm-2022>
- Logeswari Kanagah Rajah & Mohd Afifi Bahurudin Setambah. (2022). Kesan penggunaan peta alir terhadap pencapaian Matematik dan kemahiran berfikir murid tahun tiga. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 12(1), 101-115. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol12.1.9.2022>
- Malini Deepa Kaliappan & Norasibah Abdul Jalil. (2023). Pengaruh faktor dalaman dan luaran terhadap pencapaian mata pelajaran Ekonomi bagi murid-murid sekolah menengah luar bandar negeri Perak, Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(2), 83-92. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.9.2023>
- Mazida Tan Ahmad, Abdul Rahim Razalli & Kama Shaffeei. (2023). Tinjauan analisis keperluan modul pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan guru pemulihan khas. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 92-104. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.7.2023>
- Mazren Tikusan. (2024). Kesan pembelajaran berasaskan masalah berbantuan peta pemikiran terhadap motivasi belajar mata pelajaran ekonomi. *Jurnal Pemikiran Pendidikan*, 12(1). <https://doi.org/10.51200/jpp.v12i1.5004>
- McGriff, S. J. (2000). Instructional system design (ISD): Using the ADDIE model. *Retrieved June, 10 (2003)*, 513-553.
- Mengistie, S. M. (2020). Primary school teachers' knowledge, attitude and practice of differentiated instruction: The case of in-service teacher-trainees of Debre Markos College of teacher education, West Gojjam Zone, Amhara Region, Ethiopia. *International Journal of Curriculum and Instruction*, 12(1), 98-114. <https://ijci.globets.org/index.php/IJCI/article/view/258>
- Mohd Mokhzani Ibrahim & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). *Strategi pembelajaran berasaskan masalah mod campuran: Satu inovasi pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Najwa Mohd Najid. (2020). *Kesan modul pembelajaran berasaskan masalah (MICRO-C PRO) terhadap pencapaian, kemahiran penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan motivasi intrinsik pelajar di Kolej Vokasional* [Tesis Kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. <https://ir.upsi.edu.my/details.php?det=6920>
- Norlizah Mat Ali & Fadzilah Abd Rahman. (2016). Sikap guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran berasaskan Masalah (PBM) dalam pengajaran dan pembelajaran di daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1-8. <http://www.injet.upm.edu.my/index.php/archives/vol-2-2-november-2016>

- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory*. McGraw Hill, New York. <https://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/073428299901700307>
- Nur Izzatul Syahirah Tan Abdullah, Zaimuariffudin Shukri Nordin & Norehan Zulkipli. (2021). Cabaran penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran penyelesaian masalah ekonomi tingkatan enam. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 239-249. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/15475>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Huraian sukatan pelajaran ekonomi asas tingkatan IV & V kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia. http://www.stsimon.edu.my/mn/wp-content/uploads/2015/05/hsp_ekonomi-asas-4-5.pdf
- Ramlee Ismail, Marinah Awang, Seow Yea Pyng & Muhammad Ridhuan Bos Abdullah. (2020). Active learning in economic subject: A case study at secondary school. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(10), 19-31. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.10.2>
- Rio Ricardo Damanik & Putri Kemala Dewi Lubis. (2023). The effect of the problem-based learning model with interactive media on the Economics learning outcomes of class X students of SMA Negeri 7 Medan. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Holistik (JIPH)*, 2(1), 17-28. <https://doi.org/10.55927/jiph.v2i1.2792>
- Robiatul Adawiyah. (2021). Pengaruh model pembelajaran terhadap keterampilan sosial dan hasil belajar ekonomi. *Research and Development Journal of Education*, 7(1), 158-171. <http://dx.doi.org/10.30998/rdje.v7i1.8641>
- Rossett, A. (1987). *Techniques in training and performance development series: training needs assessment*. Englewood Cliffs, NJ: Educational Technology Publications.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skill building approach (2nd ed.)*. New York: Wiley & Son, Inc.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul Bagaimana Membina Modul Latihan Dan Modul Akademik*. Penerbit UPM: Serdang, Selangor.
- Siti Rubaini Mati & Ani Salwiah Zakaria. (2021). Penandaarasan antarabangsa PISA dan kesinambungan dalam pengajaran di peringkat pengajian tinggi. In *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains, September*, 399-412. <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/18483>
- Siti Sarah Muhammad Raflee & Lilia Halim. (2021). The effectiveness of critical thinking in improving skills in KBAT problem solving. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11(1), 60-76. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.1.6.2021>
- Sugiyono. (2012). *Metode Penelitian Kuantitatif Kualitatif dan R&D*. Penerbit Alfabeta: Bandung.
- Sunaryanto, Dudung Ma'ruf Nuris, Primasa Minerva Nagari & Hanjar Ikrima Nanda. (2020). Perception of students on active learning. In *Proceedings of the 2nd International Research Conference on Economics and Business (IRCEB 2018)*, pages 97-101. <https://www.scitepress.org/PublishedPapers/2018/87867/87867.pdf>
- Suryani Manurung & Vina Sianipar. (2022). Pengaruh model pembelajaran word square terhadap peningkatan hasil belajar ekonomi siswa kelas X SMA Parulian 2 Medan. *Jurnal Pendidikan Ekonomi dan Entrepreneurship*, 1(1), 36-44. <https://ejournal.uhn.ac.id/index.php/entrepreneurship/article/view/982>
- Suzilawati Shamsudin. (2016). *Pembinaan dan penilaian modul pembelajaran biologi berteraskan pembelajaran berasaskan masalah berperancahan (IR)*. [Tesis Kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. <https://ir.upsi.edu.my/details.php?det=939>

- Uma Devi Magandan Mukan & Muhammad Hussin. (2019). Faktor sikap pelajar dengan pencapaian ekonomi peringkat SPM. *International Conference on Global Education VII "Humanising Technology for IR. 4.0"* di Padang Panjang, Sumatra.
- Wee, K. N. L. (2004). A problem-based learning approach in entrepreneurship education: promoting authentic entrepreneurial learning. *International Journal of Technology Management*, 28(7-8), 685-701.
<https://doi.org/10.1504/IJTM.2004.005777>
- Zainudin Awang, Asyraf Afthanorhan & Mustafa Mamat. (2016). The likert scale analysis using parametric based structural equation modeling (SEM). *Computational Methods in Social Sciences*, 4(1), 13-21.
<http://eprints.unisza.edu.my/id/eprint/5106>